



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	25/10/2019	MUKA SURAT	: 34
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

**Beluran:** Gading dipercayai milik bangkai gajah Pygmy Borneo yang ditemui mati di sebuah ladang di Beluran, ditemui berhampiran lokasi kejadian, kelmarin.

Dalam kejadian jam 1 tengah hari itu, gading berkenaan ditemui pekerja ladang dalam kawasan semak dalam kawasan ladang berkenaan.

Ketua Polis Daerah Beluran, Superintendan Kasim Muda berkata, sebaik menerima makluman, sepasukan polis bersama pengurus ladang dikerah ke lokasi penemuan untuk pemeriksaan.

Katanya, sebaik tiba di lokasi, gading berkenaan diperiksa sebelum diambil untuk membantu siasatan lanjut. Setakat ini, tiada tangkapan berjaya dilakukan dan polis masih mencari maklumat berkaitan suspek kes ini.

"Pada masa sama, sekali



### Jumpa gading dekat ladang

ANGGOTA polis menunjukkan gading yang ditemui.

lagi, polis menegaskan tiada sebarang peluru ditemui dalam badan gajah itu semasa bedah siasat dan ini menolak kemungkinan punca kematian adalah akibat tembakan," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Kasim bagaimanapun berkata, punca kematian sebenar masih belum dapat dipastikan dan polis memohon orang awam yang mempunyai maklumat berhubung insiden itu diminta tampil membantu siasatan.

Terdahulu, Sabtu lalu, satu bangkai gajah ditemui dengan lima kesan luka disyaki akibat ditembak.

Gajah dewasa dipercayai mati dalam tempoh tiga hari sebelum dijumpai dalam keadaan gading hilang.